

Kabinet: Kedudukan Mokhtar ditentukan minggu depan

NEW DELHI, Rabu — Kedudukan Datuk Mokhtar Hashim sebagai Menteri Kebudayaan, Bella dan Sukan akan ditentukan selepas Perdana Menteri pulang dari lawatan tidak rasminya ke London minggu depan.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika ditemui sejeurus sebelum berlepas ke London di sini pagi ini berkata:

"Saya belum berbincang dengan Peguam Negara lagi bagaimana kedudukan sebenarnya. Sekiranya ada rayuan di mahkamah, kita mestilah meneliti kedudukan undang-undang dalam perkara ini.

"Sebelum ini seorang ahli Parlimen kita dikenakan hukuman denda \$2,000, bagaimanapun beliau secara sukarela meletakkan jawatannya," katanya.

Ditanya perasaannya di atas hukuman yang diterima oleh seorang menteri kabinetnya, Datuk Seri Dr Mahathir menjawab ringkas:

"Tidak ada sesiapa pun yang suka melihat perkara seperti itu berlaku."

Menyentuh desas-desus rombakan kabinet, Perdana Menteri berkata, perkara itu akan dibincangkan dengan rakan-rakan kabinetnya dulu dan buat masa ini perbincangan belum diadakan lagi.

Sementara itu, di Kuala Lumpur diberitakan Datuk Mokhtar Hashim dan Ketua Kampung, Rahmat Sattiman yang dihukum gantung sampai mati atas kesalahan membunuh Datuk Mohamad Taha Talib, akan mengemukakan notis rayuan masing-masing di Mahkamah Tinggi di sini esok.